

PRESS RELEASE
KENYATAAN AKHBAR
Y.B. MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MENGENAI KEMALANGAN NUKLEAR AKIBAT KEJADIAN
GEMPABUMI DAN TSUNAMI DI JEPUN

6 April 2011, 6 petang

KEADAAN DI JEPUN

1. Pada 5 April 2011, jam 12.00 pagi waktu Malaysia, Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) mengesahkan Kerajaan Jepun telah membenarkan TEPCO iaitu pemilik Stesen Nuklear Fukushima Daiichi untuk melepaskan sebanyak 10,000 ton air tercemar paras rendah dari kemudahan rawatan sisa radioaktif ke laut. Ini bertujuan memberi ruang yang cukup untuk menampung air tercemar paras tinggi yang terkumpul di ruang bawah Bangunan Turbin loji nuklear unit 2.

2. Anggaran yang dibuat hasil dari pelepasan air tercemar tersebut ke dalam laut menunjukkan had dos untuk orang awam masih dipatuhi di mana sekiranya rumpai dan hidupan laut berhampiran stesen tersebut ditangkap dan dimakan setiap hari untuk satu tahun, dos terkumpul yang diterima adalah 0.6 mili Sievert, masih di bawah had yang syorkan oleh IAEA. Had dos untuk orang awam seperti yang disyorkan oleh IAEA dan diterimapakai di dalam peraturan di Malaysia adalah 1 mili Sievert setahun.

3. Secara umumnya, status 4 unit loji nuklear di Fukushima Daiichi masih di dalam keadaan serius. Berdasarkan laporan IAEA sehingga 5 April 2011 jam 10.00 malam waktu Malaysia, usaha-usaha memulihkan bekalan elektrik dan memastikan kesemua sistem pengawalan loji nuklear berfungsi secara normal masih diteruskan.
4. Data terbaru diperolehi bagi pemantauan di persisiran pantai bagi 8 lokasi dalam lingkungan 30 km ke arah timur dari stesen nuklear tersebut. Bacaan adalah di antara 5 – 18 Becquerel seliter untuk iodine-131 dan antara 1 – 11 Becquerel seliter untuk Cesium-137. Bagi lokasi dalam lingkungan 35 km menghala ke sebelah selatan Stesen Nuklear Fukushima Daiichi, bacaan tertinggi 38 Becquerel seliter untuk Iodin-131 dan 4.5 Becquerel seliter untuk Cesium-137. Had pengambilan melalui minuman atau makanan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Jepun adalah 300 Becquerel sekilogram untuk Iodin-131 dan 200 Becquerel sekilogram untuk Cesium-137.
5. Sehingga tempoh 7 April, pusat-pusat tindak balas kecemasan persekitaran di bawah Pertubuhan Meteorologi Sedunia meramalkan pergerakan sebarang bahan cemar radioaktif iodin yang terlepas dari loji nuklear Fukushima untuk tempoh 48 jam dari tarikh 5 April 2011 adalah ke arah barat dan baratdaya kepulauan Jepun serta juga menghala ke perairan timur negara China. Penyebaran bahan cemar ini menunjukkan ianya meliputi kawasan timur dan barat-baratdaya kepulauan Jepun, baratlaut Lautan Pasifik dan kawasan Laut China Timur (East China Sea).

TINDAKAN OLEH MOSTI DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN-KEMENTERIAN BERKENAAN:

1. MOSTI masih meneruskan pemantauan secara aktif keadaan kemalangan nuklear di Jepun dan impak kepada negara kita melalui Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB), Agensi Nuklear Malaysia (ANM), Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) dan Malawakil Vienna & Malawakil Tokyo, Wisma Putra. Manakala Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pula memantau dari segi keselamatan makanan yang diimpot dari Jepun.
2. Pemantauan melalui Sistem Pemonitoran Radiologi Alam Sekitar (ERMS) di 6 lokasi seluruh Malaysia masih **menunjukkan paras normal**. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, melalui Malawakil Vienna **telah memaklumkan data pemonitoran radiologi alam sekitar yang diperolehi dari 6 unit Sistem Pemonitoran Radiologi Alam Sekitar (ERMS) kepada Pusat Insiden dan Kecemasan, IAEA pada 1 dan 5 April 2011**. Selain dari Malaysia, sebanyak **12 negara lain juga turut berbuat demikian dan data tersebut sedang dianalisa oleh IAEA** untuk membantu keadaan.
3. Sehingga kini pemeriksaan telah dilaksanakan terhadap **102 penerbangan dari Jepun ke Malaysia ke atas penumpang-penumpang dan anak kapal**. Seramai **29 individu** pula telah datang ke AELB dan Agensi Nuklear Malaysia untuk mendapatkan khidmat pemonitoran cecairan. **Tiada kadar dedahan melebihi paras normal dikesan sehingga hari ini**

4. Berdasarkan maklumat dari Kedutaan Besar Jepun di Malaysia dan disahkan melalui Kenyataan Bersama oleh IMO, IATA, ICAO, WHO dan IAEA, pihak berkuasa tempatan Jepun telah membuat pemantauan di lapangan terbang dan pelabuhan utama di Jepun dan disahkan kadar dedahan tidak membahayakan kesihatan. Sehubungan dengan itu, pemeriksaan penumpang, bagasi dan kontena dari Jepun adalah dianggap tidak perlu dilakukan lagi. Dengan itu, mulai 7 April 2011, pemantauan saringan kedua di mana pegawai AELB/Nuklear Malaysia secara aktif menggunakan meter tinjau dan memonitor penumpang dan anak kapal serta bagasi dari Jepun seperti yang dilakukan sekarang tidak akan lagi dilakukan. Namun demikian, sekiranya terdapat penumpang atau anak kapal yang masih ingin mendapatkan pengesahan, bolehlah menghubungi pegawai AELB yang masih ditempatkan di lapangan terbang untuk dibuat pemantauan

5. Analisa yang telah dilakukan ke atas **air hujan, air laut dan air paip, di sekitar Kudat**, Sabah pada 31 Mac 2011 **menunjukkan tiada sebarang pencemaran radioaktif** Iodin-131 atau Cesium-137 dikesan. Nuklear Malaysia dengan kerjasama AELB juga sedang membuat persampelan air hujan, air laut, air paip dan tanah di beberapa kawasan di seluruh Malaysia bertujuan mengawasi pencemaran radioaktif bermula 2 April 2011. Sampel-sampel tersebut akan dianalisa secara berperingkat di mana keputusan akan diperolehi pada 8 April 2011.

6. Dari segi keselamatan makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa KKM sentiasa memantau semua

makanan yang diimport dari Jepun melalui sistem berkomputer di KKM iaitu *Food Safety Information System of Malaysia (FoSIM)*. FoSIM merupakan sistem pintar berasaskan web dalam pengurusan surveilan keselamatan makanan bagi memastikan makanan yang dijual di Malaysia adalah selamat. Sistem yang dibangunkan oleh KKM semenjak 2003 ini mampu mengawal keselamatan makanan secara berkesan, pantas dan tepat.

7. Sehingga kini, sebanyak **79 sampel makanan dari Jepun telah dianalisis** bagi kandungan bahan radioaktif dan **didapati mematuhi tahap yang dibenarkan**
8. Maklumat terperinci mengenai hasil pemantauan makanan yang diimport dari Jepun boleh didapati di laman web Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM iaitu <http://fsq.moh.gov.my>
9. KKM ingin memaklumkan bahawa pengguna atau orang ramai tidak perlu berasa gusar dan kluatir dengan keselamatan makanan yang diimport dari Jepun. KKM tidak akan berkompromi dalam isu keselamatan makanan khususnya makanan yang diimport dari Jepun.
10. Kenyataan akhbar seterusnya akan dikeluarkan pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat. Manakala maklumat selingan yang sesuai untuk mempertingkatkan pemahaman orang awam dalam bidang teknologi nuklear akan dipaparkan pada setiap hari Selasa, Khamis dan Sabtu. Bagi sebarang pertanyaan, bolehlah merujuk kepada Pusat Maklumat Radiologi AELB melalui talian Hotline AELB 1 800

88 7999 atau di 03-8922 5848 atau melalui e-mel di MNR-Customer@aelb.gov.my

11. Maklumat teknikal boleh diperolehi di laman web;

- a) Laman Web IAEA (www.iaea.org)
- b) Laman Web MOSTI (www.mosti.gov.my)
- c) Laman Web AELB (www.aelb.gov.my)
- d) Laman Web Nuklear Malaysia (www.nuclearmalaysia.gov.my)